

## **Bagaimana Menggalakkan Para Pelajar Membaca Bahan-bahan dalam Bahasa Arab dengan Lebih Kerap dan Efektif**

Kod Projek: PTS-2010-071

*Faizol Azham Mohamed (Ketua Projek), Al Muslim Mustapa @ Ab Rahim, Ibrahim Yaacob, Nur Syazwina Mustapa, Zainuddin Ismail & Zuraida Shaadon*

Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

---

### **Pengenalan / Pernyataan Masalah**

Kajian ini akan menjelaskan kaedah-kaedah yang berkesan dalam memupuk budaya dan kemahiran membaca bahan-bahan bacaan dalam bahasa Arab yang secara dasarnya mempunyai hubungkait dengan ilmu-ilmu dalam bidang Pengajian Islam seperti Syariah, Usuluddin, Al-Quran dan al-Sunnah, Sastera Arab, kitab-kitab Nahu dan Sorof serta bahan-bahan bacaan umum seperti majalah dan suratkhbar dalam bahasa Arab. Diharapkan kajian ini dapat memupuk budaya dan kemahiran membaca di kalangan pelajar di samping dapat memotivasikan para pelajar dalam menguasai Bahasa Arab.

Terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar membaca bahan-bahan bacaan dalam bahasa Arab. Pertama, kurangnya minat membaca di kalangan pelajar menjadi penyumbang utama ke arah fenomena ini. Pelajar hari ini didedahkan kepada sumber-sumber hiburan lain yang lebih menarik seperti bahan bacaan yang berunsur lebih ringan, padat dan berbentuk hiburan. Kedua, kurangnya pendedahan tentang kepentingan menguasai bahasa Arab dan peluang pekerjaan yang berkaitan. Ketiga, kesukaran memperoleh dan mendapatkan bahan-bahan bacaan yang sesuai dengan tahap pelajar.

### **Objektif Kajian**

1. Meningkatkan kemahiran pelajar dalam membaca bahan-bahan bacaan dalam bahasa Arab.
2. Menggalakkan para pelajar merujuk sumber-sumber dalam bahasa Arab.
3. Membudayakan amalan membaca bahan-bahan dalam bahasa Arab dengan lebih efektif.

### **Metode Kajian**

Pengumpulan data dalam kalangan para pelajar dan tenaga pengajar Bahasa Arab di Fakulti Pengajian Islam, UKM. Di antara kaedah yang akan digunakan dalam

pengumpulan data ini adalah melalui pengedaran borang soal selidik, kajian perpustakaan dan pemerhatian di dalam kelas.

### **ULASAN KEPUSTAKAAN**

Kemahiran membaca merupakan salah satu daripada empat kemahiran bahasa yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kemahiran membaca adalah lanjutan daripada kemahiran-kemahiran asas seperti mendengar dan bertutur. Melalui pembacaan, seseorang itu mampu menimba ilmu pengetahuan yang tidak dapat diperolehi menerusi pengalaman-pengalaman biasa yang lain.

Membaca dapat membantu memperluaskan pemikiran dan idea serta meningkatkan daya kreatif seseorang individu dalam pelbagai bidang. Membaca adalah proses kebalikan daripada proses menulis. Proses membaca memerlukan seseorang itu menterjemahkan kembali lambang-lambang bertulis kepada lambang-lambang bunyi yang hendak disampaikan oleh penulisnya. Membaca berbeza daripada mendengar kerana membaca melibatkan kedua-dua aktiviti verbal dan literasi secara serentak. Apabila kita membaca kita akan menghuraikan bahan bercetak kepada pertuturan dan pada masa yang sama kita akan menghuraikan pertuturan itu kepada pemikiran.

Kemahiran membaca merupakan proses yang dinamik tetapi kompleks. Ia meliputi keupayaan membaca dengan pantas, memahami fakta, kebolehan mengingat fakta serta membuat interpretasi secara bijak dan analisis. Ketika seseorang itu membaca, ia sebenarnya sedang berkomunikasi secara langsung dan sedar dengan bahan bacaanya. Dia mencuba menyelami pemikiran dan idea yang cuba disampaikan oleh pengarang. Seseorang yang berjaya menguasai kemahiran membaca bermakna dia telah berjaya merobohkan sebuah tembok pemisah yang maha besar antara dirinya dengan lautan ilmu yang wujud dalam pelbagai bentuk karya (Zulkifley Hamid, 1994).

Dweck (1975) dalam kajiannya membuktikan "student's attributions of failure to lack of effort (rather than to luck, ability or other variables may alleviate learned helplessness." Pelajar perlu sedar kekurangan usaha pada dirinya supaya dia dapat memperbaiki kelemahan pada dirinya dalam proses pembelajaran.

Safiah (1979) menegaskan minat membaca di kalangan pelajar berkait rapat dengan faktor pencapaian. Membaca teks memerlukan cabaran-cabaran intelektual yang berbeza.

Dapatan kajian Kathy (1994) membuktikan bahawa kekurangan buku-buku sastera berbentuk rekreasi di pasaran merupakan faktor kekurangan minat pelajar terhadap sastera. Beliau mencadangkan kelab membaca ditubuhkan agar pelajar boleh digalakkan membaca dengan adanya sedikit cenderahati dan menyeru pihak penerbit atau pengarang menghasilkan buku-buku sastera dalam bentuk rekreasi yang sesuai untuk dibaca oleh pelajar. Kajian Kathy (1994) juga menggunakan teknik baca kuat untuk menggalakkan pelajar membaca dan buku percuma diberikan kepada pelajar yang terlibat. Buku-buku bentuk rekreasi perlu ditambahkan untuk menggalakkan minat membaca di kalangan pelajar. Dalam memupuk minat membaca di kalangan pelajar, seharusnya ada galakan berbentuk motivasi intrinsik atau motivasi ekstrinsik daripada pihak ibu bapa atau guru. Melalui kajian yang dijalankan ini, dikenalpasti bahawa pelajar menunjukkan kecenderungan dan minat untuk membaca bahan-bahan bacaan berbentuk rekreasi dan dengan galakkan dan motivasi yang berterusan daripada ibu bapa dan guru-guru.

Ina Sue (1994) menjalankan kajian ke atas 39 orang murid Gred 3 dengan tujuan memupuk keseronokan membaca di kalangan murid dan murid memilih untuk membaca apabila terdapatnya galakan, pilihan bahan bacaan dan masa untuk membaca. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid membaca dengan penuh minat setelah mendapat galakan daripada ibu bapa dan guru. Murid juga menunjukkan respon yang positif dalam penulisan jurnal.

Menurut Thomas & Swartout (1963), hanya ABM yang mempunyai komunikatif tinggi yang mampu membantu pelajar memperoleh pengalaman belajar yang berfaedah bagi mengembangkan sikap ilmiah dan sikap sosial, kemantapan emosi dan daya penghargaan. ABM yang digunakan melibatkan penggunaan deria pelajar seperti pendengaran, penglihatan, sentuhan, rasa dan bau. Dengan penglibatan semua deria, pelajar bukan sahaja tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran guru, malah pelajar lebih mudah memahami dan mengingati bahan pelajaran yang disajikan kepadanya. Penggunaan ABM yang melibatkan deria semasa pengajaran dan pembelajaran akan menjadikan pengajaran guru lebih berkesan. ABM bukan sahaja membantu menghidupkan kelas, malah mempelbagaikan perkembangan kognitif dan afektif pelajar. Pendapat ini sependapat dengan Lester (1956), Bruner (1966), Wilkinson (1971), Charles (1972).

Abdul Ghani (1996) menegaskan faktor bahan memberi kesan dalam meningkatkan minat pelajar untuk terus menguasai sesuatu kemahiran berbahasa dan berinteraksi dengan lebih berkesan. Oleh itu, guru perlu menggunakan pelbagai bahan media yang sesuai dan menarik supaya boleh menukar suasana pembelajaran yang kaku kepada pembelajaran yang melibatkan pelajar. Aplikasi dan manipulasi pengajaran bahasa melalui media elektronik, pengisian komputer, grafik dan sebagainya dapat mengekalkan minat dan tumpuan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa. Guru perlu kreatif dan inovatif serta menguasai kemahiran teknologi maklumat seiring dengan arus perkembangan pendidikan semasa. Kejayaan guru memilih bahan dan media sesuai dengan dapatan kajian Nadzeri (1985). Menurut Omardin (1999), sumber dan bahan pengajaran yang digunakan oleh guru perlu menarik, dapat mengekalkan minat pelajar, mengembangkan minat pelajar terhadap pelajaran dan menjadikan pembelajaran lebih menarik. ABM dapat membentuk daya pemikiran, kreatif dan memperkukuhkan persepsi pelajar.

Pumfrey (1977) berpendapat membaca bukanlah hanya setakat bersifat mekanik, iaitu membunyikan huruf-huruf yang dicetak dan menjawab beberapa soalan tentang apa yang dibaca, tetapi membaca adalah lebih jauh daripada itu. Membaca adalah satu proses pemikiran yang membina. Maksud beliau, dengan membaca, seseorang itu harus dapat membina kebolehan menilai, mengulas dan mengkritik apa yang dibaca dengan tepat, memahami kehendak situasi dan aspirasi masyarakat di sekeliling, membina sikap dan cita-cita serta fikiran yang terbuka dan positif.

## **PENCAPAIAN PROJEK (*OUTPUT*)**

### **Penerbitan (Prosiding)**

1. Faizol Azham Mohamed. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011 (SAPBA)*.

2. Faizol Azham Mohamed. *Prosiding Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2010*.

### **Persidangan/Bengkel**

1. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2010. 13 – 15 Disember 2010. Melaka.
2. Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011 (SAPBA). 5 – 7 Disember 2011. Beijing Foreign Studies University, China.

### **Modal Insan**

Menjana pelajar yang berkeyakinan diri dan meningkatkan keupayaan dan kemahiran mereka dalam membaca teks Arab dengan lebih kerap dan efektif.

### **PERBELANJAAN**

<b>Bil</b>	<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Kongres P&P UKM 2010	RM 1210
2	Seminar SAPBA 2011	RM 3750 (belum tuntutan)
3	Elaun GRA	RM 1600 (dalam proses)
4	Peralatan	RM 1000 (belum tuntutan)
5	Rencam	RM 500 (belum tuntutan)
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM 8060</b>

### **KESIMPULAN**

Kajian ini menjelaskan kaedah-kaedah yang berkesan dalam memupuk budaya dan kemahiran membaca bahan-bahan bacaan dalam bahasa Arab yang secara dasarnya mempunyai hubung kait dengan ilmu-ilmu dalam bidang Pengajian Islam seperti Syariah, Usuluddin, Al-Quran dan Al-Sunnah, Sastera Arab, kitab-kitab Nahu dan Sorof serta bahan-bahan bacaan umum seperti majalah dan surat khabar dalam bahasa Arab. Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam membaca bahan-bahan bacaan dalam bahasa Arab. Selain itu, objektif kajian ini juga untuk mengenal pasti kaedah-kaedah berkesan untuk menggalakkan para pelajar merujuk sumber-sumber dalam bahasa Arab sekaligus membudayakan amalan membaca bahan-bahan dalam bahasa Arab dengan lebih efektif. Kajian ini menggunakan metode kajian kualitatif dan kuantitatif. Metode kajian kualitatif dibuat melalui kajian kepustakaan dengan mengumpul dan menganalisa sumber berbentuk buku, artikel jurnal atau laporan penyelidikan lepas yang mengutarakan isu di atas. Manakala, metode kajian kuantitatif digunakan untuk mengumpul data dalam kalangan pelajar subjek PPPY 1112 Maharat al-Qiraah dan tenaga pengajar bahasa Arab di Fakulti Pengajian Islam melalui soal selidik dan pemerhatian di dalam kelas. Dapatan kajian awal mendapati antara beberapa kaedah berkesan atau pelan tindakan strategik untuk memupuk para pelajar membaca bahan-bahan dalam bahasa Arab dengan lebih kerap dan efektif ialah penggunaan makmal bahasa Arab, penggunaan teks bahasa Arab yang membincangkan pelbagai isu, menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan “*student centred learning*” seperti perbincangan kumpulan (group discussions) dan penyediaan bahan bacaan bahasa Arab dalam pelbagai bentuk seperti buku, akhbar, majalah, slide show, video bergambar dan sebagainya.